



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL.3 TAHUN 2015**

---

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT UNTUK  
MENGGUNAKAN BAS EKSPRES TAMBAHAN PADA MUSIM PERAYAAN HARI  
RAYA AIDILFITRI 2015**

**TARIKH: 24 JUN 2015**

## **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan permohonan dan syarat-syarat untuk menggunakan bas ekspres tambahan (“Bas Ekspres Tambahan”) pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2015.

## **2. KRITERIA - KRITERIA KELAYAKAN MEMOHON**

- 2.1.** Permohonan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan hanya dibuka kepada:
  - 2.1.1.** pengendali berlesen bas ekspres (“Pengendali”); dan
  - 2.1.2.** lesen Pengendali tidak berada dalam tempoh penggantungan.
- 2.2.** Pengendali yang diberikan kelulusan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan hanya dibenarkan untuk menggunakan kelas bas seperti yang dinyatakan di bawah sebagai Bas Ekspres Tambahan:
  - 2.2.1.** bas sekolah;
  - 2.2.2.** bas pekerja;
  - 2.2.3.** bas catar; dan
  - 2.2.4.** bas persiaran.
- 2.3.** Bas yang hendak digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan hendaklah telah memperolehi kelulusan Lesen Perubahan Sementara.

- 2.4. Bas yang hendak digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan hendaklah berusia tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tarikh ianya dibuat.

### **3. GARIS PANDUAN UNTUK MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENGGUNAKAN BAS EKSPRES TAMBAHAN**

#### **3.1. Permohonan menggunakan Bas Ekspres Tambahan**

- 3.1.1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang Permohonan Bas Ekspres Tambahan Musim Perayaan.
- 3.1.2. Borang permohonan tersebut boleh didapati dari pejabat-pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) yang berhampiran atau dimuat turun dari laman sesawang S.P.A.D di [www.spad.gov.my](http://www.spad.gov.my).
- 3.1.3. Setiap borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Borang permohonan yang tidak lengkap dan jelas akan ditolak.
- 3.1.4. Contoh tiket Bas Ekspres Tambahan mestilah cetakan komputer dan hendaklah disertakan bersama borang permohonan. Contoh tiket ini hendaklah sama dengan tiket yang dijual kepada penumpang sepanjang tempoh kelulusan diberikan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan.
- 3.1.5. Permohonan hendaklah dikemukakan ke pejabat-pejabat S.P.A.D. (kecuali ibu pejabat S.P.A.D).

- 3.1.6. Tarikh akhir permohonan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2015 adalah pada 14 Julai 2015. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut akan ditolak.
- 3.1.7. Fi untuk kelulusan setiap permohonan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan adalah RM20.00.

#### **4. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN UNTUK MENGGUNAKAN BAS EKSPRES TAMBAHAN**

- 4.1. Tempoh sah laku kelulusan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2015 adalah dari 10 Julai 2015 sehingga 27 Julai 2015.
- 4.2. Sekiranya Pengendali membuat permohonan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan selepas 10 Julai 2015, tempoh sah laku kelulusan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan adalah bermula dari tarikh kelulusan yang diberikan oleh S.P.A.D. sehingga 27 Julai 2015.

#### **5. SYARAT-SYARAT UNTUK MENGGUNAKAN BAS EKSPRES TAMBAHAN PADA MUSIM PERAYAAN**

- 5.1. Pengendali diwajibkan untuk mematuhi semua syarat lesen pengendali berlesen bas ekspres semasa menggunakan Bas Ekspres Tambahan.
- 5.2. Pengendali yang berjaya mendapat kelulusan menggunakan Bas Ekspres Tambahan hanya dibenarkan untuk menggunakan kelas bas sekolah, bas pekerja, bas catar dan bas persiaran sahaja sebagai Bas Ekspres Tambahan.

- 5.3. Bas yang telah digantung Permit Kenderaan tidak dibenarkan untuk digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan.
- 5.4. Bas yang digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan hendaklah bas yang dimiliki oleh pengendali berlesen yang telah berjaya mendapatkan kelulusan Lesen Perubahan Sementara seperti yang dinyatakan di dalam Surat Kelulusan.
- 5.5. Bas yang hendak digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan hendaklah seperti senarai kenderaan yang telah dinyatakan di dalam Surat Kelulusan.
- 5.6. Pengendali yang berjaya mendapatkan kelulusan untuk menggunakan Bas Ekspres Tambahan hanya dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan kelas ekonomi sahaja.
- 5.7. Kelulusan menggunakan Bas Ekspres Tambahan ini berkuat kuasa mengikut tarikh yang telah ditetapkan di dalam Surat Kelulusan.
- 5.8. Pengendali hendaklah memberikan perkhidmatan mengikut laluan yang telah diluluskan oleh S.P.A.D. bermula dari terminal pelepasan sehingga terminal ketibaan.
- 5.9. Tiket yang dikeluarkan oleh Pengendali kepada penumpang Bas Ekspres Tambahan hendaklah tiket cetakan komputer seperti contoh tiket yang dikemukakan semasa permohonan dibuat.
- 5.10. Tiket yang dijual hendaklah dicetak dengan maklumat berikut:
  - (a) nama dan logo Pengendali yang mengeluarkan tiket tersebut;
  - (b) harga tiket;

- (c) nombor rujukan tiket;
  - (d) destinasi;
  - (e) nama terminal pelepasan dan terminal ketibaan;
  - (f) platform (jika berkenaan);
  - (g) tarikh dan masa perjalanan;
  - (h) nombor pendaftaran Bas Ekspres Tambahan; dan
  - (i) nombor hotline Pengendali.
- 5.11. Tiket yang telah dijual tidak dibenarkan untuk ditukar, dipungut atau diambil semula daripada penumpang tanpa alasan yang munasabah.
- 5.12. Pengendali hendaklah mematuhi masa perjalanan seperti yang dicetak di tiket berdasarkan jadual perjalanan yang telah diluluskan oleh S.P.A.D.
- 5.13. Bas Ekspres Tambahan yang berlepas dari Kuala Lumpur hanya dibenarkan untuk berlepas dari Terminal Bersepadu Selatan (“TBS”) sahaja.
- 5.14. Bas Ekspres Tambahan luar dari Kuala Lumpur hanya dibenarkan berlepas dari terminal yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- 5.15. Sekiranya destinasi akhir atau transit Bas Ekspres Tambahan adalah Kuala Lumpur, Pengendali hanya boleh menurunkan penumpang di TBS.
- 5.16. Pengendali hendaklah mempamerkan nama Pengendali, destinasi dan terminal ketibaan di cermin hadapan Bas Ekspres Tambahan.

- 5.17. Permit Kenderaan megikut kelas lesen asal Bas Ekspres Tambahan hendaklah sentiasa dibawa bersama di dalam Bas Ekspres Tambahan.
- 5.18. Pengendali hendaklah memastikan Permit Lesen Perubahan Sementara yang diluluskan oleh S.P.A.D. untuk Bas Ekspres Tambahan sentiasa dipamerkan di cermin hadapan Bas Ekspres Tambahan.
- 5.19. Salinan jadual tambang dan Permit Perkhidmatan Pengendali hendaklah sentiasa dibawa bersama di dalam Bas Ekspres Tambahan.
- 5.20. Pengendali hendaklah menentukan bahawa bagasi yang dibawa adalah bagi kegunaan dan kemudahan persendirian penumpang dan bukan untuk tujuan perniagaan, perdagangan dan/atau keuntungan. Kenderaan bermotor dan binatang ternakan dilarang untuk dibawa ke dalam Bas Ekspres Tambahan semasa beroperasi.
- 5.21. Pengendali hendaklah memastikan Bas Ekspres Tambahan mempunyai penyaman udara yang berfungsi.
- 5.22. Sekiranya berlaku kerosakan kepada Bas Ekspres Tambahan, Pengendali hanya dibenarkan untuk menggunakan bas gantian daripada senarai kenderaan yang dinyatakan di dalam Surat Kelulusan.

## **6. SYARAT TAMBAHAN KEPADA LESEN PENGENDALI**

- 6.1. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam perenggan 5 di atas adalah dijadikan syarat lesen Pengendali sepanjang tempoh kelulusan menggunakan Bas Ekspres Tambahan.

## **7. KETIDAKPATUHAN**

- 7.1. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling ini boleh dikenakan tindakan seperti yang diperuntukan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

## **8. TARIKH KUATKUASA PEKELILING**

Arahan Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 25 Jun 2015.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat